



Surat Kami: 100-BBI (PER.1/1)

Tarikh : 25 Mei 2018

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan Negeri
Semua Ketua Jabatan/Unit Kewangan Zon Pejabat Bendahari UiTM Shah Alam
Semua Ketua Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Negeri / Kampus

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN URUSAN PEROLEHAN UiTM

Dengan segala hormatnya surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan S/K.KEW/PK/KKM/D/00 Jld.4 SK.1 (9) dan surat Kementerian Pendidikan Tinggi rujukan KPT.P.S. 400-7/2 Jld.3 (14) bertarikh 17 Mei 2018 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Tuan/ Puan, berdasarkan surat berkenaan, YAB Perdana Menteri telah memutuskan beberapa perkara dasar berhubung urusan perolehan yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua Agensi Kerajaan seperti berikut:

- 2.1 Bagi semua tender sama ada secara tender terbuka atau terhad dan perolehan secara rundingan terus hendaklah ditangguhkan pelaksanaannya sehingga mendapat persetujuan Kerajaan;
- 2.2 Bagi perolehan yang telah diputuskan oleh Pihak Berkuasa Melulus tetapi Surat Setuju Terima (SST) masih belum dikeluarkan, Agensi Kerajaan hendaklah menangguhkan perolehan tersebut. Walau bagaimanapun, Agensi Kerajaan adalah dibenarkan untuk melanjutkan kontrak sedia ada tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan bagi kontrak yang tamat mulai 7 April 2018 atau yang akan tamat tidak lewat daripada 31 Mei 2018; dan
- 2.3 Agensi Kerajaan hendaklah meneruskan pelaksanaan semua perolehan yang telah dikeluarkan SST, manakala perolehan tender terhad dan rundingan terus yang telah diberi kelulusan oleh MOF tetapi belum dikeluarkan SST hendaklah ditangguhkan pelaksanaannya sehingga mendapat persetujuan Kerajaan.

../2

Surat Kami: 100-BBI (PER.1/1)


Tarikh : 25 Mei 2018

3. Sehubungan keputusan di atas, Pejabat Bendahari UiTM mengambil tindakan berikut:-
 - 3.1 Menangguhkan pelaksanaan tender dan rundingan terus baharu. Proses penyediaan spesifikasi dan keperluan boleh dibuat namun pengiklanan tender hanya akan diteruskan selepas mendapat arahan lanjut;
 - 3.2 Menangguhkan mesyuarat Lembaga Perolehan UiTM. Tender-tender yang masih belum diputuskan hendaklah dibuat pelanjutan tempoh sah laku tawaran;
 - 3.3 Menangguhkan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) bagi tender dan rundingan terus yang telah diputuskan tetapi belum dikeluarkan. Lanjutan tempoh sah laku tawaran hendaklah dibuat sekiranya perlu; dan
 - 3.4 Sekiranya terdapat keperluan dan memenuhi syarat yang ditetapkan, pelanjutan tempoh kontrak yang tamat di antara 7 April 2018 sehingga 31 Mei 2018 hendaklah mendapat kelulusan Naib Canselor.
 - 3.5 Penangguhan adalah berkuatkuasa sehingga arahan lanjut diterima.

Sekian untuk makluman dan tindakan lanjut di pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Tuan/ Puan.

Terima kasih.

Yang benar



DR. HAJI MOHD ANUAR MAZUKI
Bendahari
Universiti Teknologi MARA

/JPPA/2018